



GAMBAR pada 20 Julai lalu menunjukkan loji pemprosesan dan agihan gas Nord Stream dekat Lubmin, timur laut Jerman. – AFP

Kosmo (27/7/22) p. 34

Russia sekat gas Eropah mulai hari ini

KIEV – Presiden Ukraine, Volodymyr Zelenskyy kelmarin menggesa Eropah bertindak balas terhadap ‘perang gas’ oleh Russia dengan mengetatkan sekatan ke atas Moscow.

“Hari ini (kelmarin) kita mendengar ancaman baharu terhadap Eropah. Russia melancarkan perang gas secara terbuka,” kata Zelensky susulan pengumuman pemotongan penghantaran gas baharu ke Eropah oleh Gazprom.

Syarikat gergasi tenaga milik Russia itu menyatakan, pihaknya akan memotong penghantaran gas ke Eropah menerusi saluran paip Nord Stream kepada 33 juta kubik meter sehari atau hanya 20 peratus daripada keupayaan saluran paip tersebut bermula hari ini.

Gazprom memberi alasan masalah teknikal melibatkan enjinnya.

Kerajaan Jerman bagaima-

napun berkata, pengumuman Gazprom itu tiada justifikasi dari segi teknikal.

Eropah amat bergantung kepada sumber tenaga Russia, manakala Moscow dituduh menggunakan tenaga sebagai senjata untuk membalas dendam sekatan Barat selepas Kremlin mencerooboh Ukraine.

“Mereka (Russia) tidak peduli apa yang akan berlaku kepada rakyat jelata,” kata Zelenskyy semasa ucapan hariannya.

“Jangan fikir bagaimana untuk mendapatkan kembali gas Russia sebaliknya, kita perlu ketatkan lagi sekatan,” kata Zelenskyy semasa ucapan hariannya.

Pengumuman Gazprom itu dibuat selepas Russia menyambung semula bekalan gas kritikal ke Eropah melalui Nord Stream selepas membekukan bekalan selama 10 hari untuk penyelenggaraan. – AFP